

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN
IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 17 MEI 2016

SOALAN :

YB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan punca graduan bidang perubatan dan pergigian di dalam dan luar negara terpaksa menunggu enam bulan sehingga setahun untuk mendapat tempat latihan siswazah di Hospital Kerajaan serta pelan tindakan untuk mengatasi masalah tersebut sedangkan nisbah doktor-doktor gigi-pesakit masih rendah.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, isu bagi Graduan Perubatan dan Graduan Pergigian adalah berbeza. Bagi Graduan Perubatan, urusan penempatan untuk latihan siswazah adalah dibuat sendiri oleh PPS (Pegawai Perubatan Siswazah) secara atas talian melalui *e-housemen* (dengan izin) tertakluk kepada kekosongan jawatan. Selepas urusan pelantikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) selesai, tempoh menunggu untuk menjalani latihan siswazah bergantung kepada pilihan masing-masing adalah di antara empat (4) hingga enam (6) bulan. Jika graduan memilih untuk ditempatkan ke hospital di Lembah Klang yang tidak mempunyai kekosongan, maka tempoh menunggu adalah lebih lama daripada enam (6) bulan. Justeru, graduan perubatan digalakkan memilih penempatan di hospital yang mempunyai banyak kekosongan jawatan seperti di Sabah dan Sarawak bagi memendekkan tempoh menunggu sebelum dilantik menjadi PPS. Selain itu, tempoh menunggu juga bergantung kepada jumlah graduan di dalam dan luar negara yang melapor diri.

Bagi kes Graduan Pergigian pula, antara faktor penyumbang kepada berlakunya kelewatan graduan diberi penempatan khidmat wajib adalah kerana pelantikan mereka berdasarkan kekosongan perjawatan. Punca utama bagi isu ini adalah peningkatan graduan pergigian dari universiti luar negara telah mencatatkan rekod peningkatan hampir dua (2) kali ganda pada tahun 2015 iaitu 482 graduan berbanding 245 graduan pada tahun 2013.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga sedang memohon jawatan tambahan yang secukupnya bagi menampung keluaran graduan pergigian setiap tahun yang semakin meningkat.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam masa yang sama, beberapa sesi perbincangan sedang dan akan diadakan antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk memperhalusi dan **mencari penyelesaian kepada isu penempatan graduan perubatan dan pergigian**. Sehubungan itu, beberapa **pendekatan telah diambil sebagai solusi untuk mengatasi masalah penempatan ini**.

Bagi Graduan Perubatan, langkah berikut telah diambil:

- (i) Mengawal bilangan graduan perubatan supaya tempoh penantian pelantikan sebagai Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) dapat dikurangkan, di mana KKM sedang mengambil tindakan melanjutkan moratorium bagi bidang perubatan untuk tempoh lima (5) tahun lagi. Moratorium sedia ada akan berakhir pada 30 April 2016;
- (ii) Pengambilan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) dibuat secara kerap iaitu setiap dua (2) bulan; dan
- (iii) Meningkatkan bilangan hospital latihan siswazah (44 sedia ada). Manakala, empat (4) lagi hospital sedang diakreditasi untuk melaksanakan program latihan siswazah:
 - a. Hospital Sarikei;
 - b. Hospital Lahad Datu;
 - c. Hospital Keningau; dan
 - d. Hospital Kuala Lipis.

Bagi Graduan Pergigian pula, langkah-langkah berikut telah diambil iaitu:

- (i) Mewujudkan jawatan baru bagi Pegawai Pergigian secara tukar ganti dengan mengambilkira keperluan perkhidmatan dan fasiliti sedia ada serta tidak melibatkan implikasi kewangan tambahan.

Kerajaan telah meluluskan sebanyak 391 perjawatan pegawai pergigian kepada KKM bagi maksud menampung penempatan khidmat wajib graduan pergigian. KKM juga dalam proses rundingan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam bagi mewujudkan perjawatan tambahan bagi menampung sebahagian lagi graduan yang masih menunggu penempatan.

- (ii) Mulai 1 Mac 2013, moratorium Program Pergigian telah dikuatkuasakan selama tempoh lima (5) tahun sehingga tahun 2018. Antara syarat yang terkandung dalam moratorium adalah menghadkan penubuhan fakulti & program pergigian baru dan jumlah pengambilan pelajar tempatan kepada 800 orang setahun. Sehingga Januari 2016, terdapat 13 universiti tempatan yang menawarkan bidang pengajian pergigian. Pada tahun 2015, seramai 498 graduan universiti tempatan telah mendaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.

- (iii) KKM juga berunding dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk meneliti penglibatan sektor swasta bagi menangani isu penempatan khidmat wajib pegawai pergigian dengan lebih berkesan.